



SIARAN MEDIA
Kementerian Kewangan dan Ekonomi
Negara Brunei Darussalam

INISIATIF KERAJAAN UNTUK MEMBANTU KEMENTERIAN PENDIDIKAN
MENYEDIAKAN PENDIDIKAN BERTERUSAN MELALUI E-PEMBELAJARAN
DALAM KEADAAN DI MANA SEKOLAH AKAN TERUS DITUTUP KERANA
SITUASI PENULARAN COVID-19.

Tarikh: 25 Mac 2020

1. Berikutan dengan kenyataan media yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan bertarikh 30hb Rejab 1441 Hijrah bersamaan 25hb Mac 2020 Masihi mengenai dengan pembelajaran bagi semua sekolah rendah, menengah, pusat-pusat tingkatan enam, sekolah-sekolah vokasional dan Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) yang dibawah kawalan Kementerian Pendidikan dan juga termasuk sekolah-sekolah di bawah kawalan Kementerian Hal Ehwal Ugama, sekolah-sekolah swasta akan dibuat secara dalam talian (online) bermula hari Isnin, 05 hb Syaaban 1441 Hijrah bersamaan 30 hb Mac 2020 Masihi.

2. Dalam hubungan itu, saya dengan ini memaklumkan bahawa Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan Kementerian Pendidikan telahpun membuat perundingan dengan Syarikat Unified National Network Sendirian Berhad (UNN) untuk menambah kapasiti keatas data fixed broadband di negara ini bagi membolehkan penuntut-penuntut untuk mengikuti pembelajaran secara dalam talian (online). Dalam masa yang sama, penambahan keatas data mobile termasuk data mobile broadband adalah masih dalam penelitian Syarikat UNN dan Insha Allah perlaksanaannya akan dapat dibuat dalam masa terdekat ini.



SIARAN MEDIA
Kementerian Kewangan dan Ekonomi
Negara Brunei Darussalam

3. Aplikasi atau platform yang tidak berkenaan dengan pembelajaran atau apabila penggunaan data melebihi had kuota yang ditetapkan akan di throttle mengikut terma dan syarat-syarat yang dikenakan oleh syarikat telekomunikasi masing-masing.
4. Sejak penubuhannya, syarikat UNN sedang aktif dan membuat pelaburan dalam usaha untuk mengembangkan dan meningkatkan infrastruktur telekomunikasi di negara ini.
5. Dengan langkah yang bersepadu ini serta sokongan dari syarikat-syarikat telekomunikasi di negara ini, akan dapat mendukung objektif Kementerian Pendidikan dalam melaksanakan pembelajaran sepanjang hayat dan seterusnya untuk membantu Kementerian Kesihatan dari merebaknya wabak COVID-19 di negara ini amnya dan khususnya kepada penuntut-penuntut sekolah di negara ini.
6. Inisiatif ini akan mula dilaksanakan pada hari Isnin, 05 hb Syaaban 1441 Hijrah bersamaan 30 hb Mac 2020 Masihi.

Sekian Terima Kasih